

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Majlis badan2 berkanun hendak jumpa Dr. M

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan yang mewakili 80,000 pekerja Badan-badan Berkanun mengambil keputusan untuk menemui Perdana Menteri bagi menyelesaikan masalah elau perumahan.

CUEPECS sebagai badan yang mewakili kakitangan awam Kerajaan telah pun memberikan kata duanya kepada Kerajaan di mana mereka mengancam untuk berpiket sekiranya Kerajaan gagal melayani permintaan mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersetuju untuk berbincang dengan Cuepecs yang dijangka diadakan Selasa ini.

Pengerusi Majlis Bersama Kebangsaan Badan-badan Berkanun, Encik Maarof Saad berharap Perdana Menteri akan bersedia menemui pihaknya juga untuk membincangkan masalah itu.

Beliau berkata, pertemuan dari hati ke hati itu akan membolehkan pihaknya menyuarakan kehendak ahli-ahlinya dan pendirian Kerajaan kepada mereka.

"Ini mungkin berupaya menenangkan keadaan, kerana selama ini ahli-ahli hanya mengagak dan membuat spekulasi menerusi maklumat dari media masa sahaja," jelasnya.

Encik Maarof berkata keresahan di kalangan ahli-ahlinya mengenai isu tersebut timbul kerana usaha pihaknya menyelesaikan masalah itu menerusi saluran tertentu gagal.

"Sejak laporan gaji baru dikuatkuasakan, kami telah berkali-kali berbincang dengan pihak Jawatankuasa Perkhidmatan Awam. Tetapi kesemua permintaan kami ditolak," ujarnya.

"Saya kira masalah elau perumahan ini hanya boleh diselesaikan di peringkat paling atas iaitu di peringkat Jawatankuasa Kabinet dan tidak JPA," jelasnya.